

Mengulangi sebut sesuatu menunjukkan kepentingannya.	التَّكْرِيرُ يَدُلُّ عَلَى الْإِعْتِنَاءِ	قاعدة 44
---	---	----------

Keterangan: Selalu kita menemui di dalam al-Qur'an sesuatu perkara disebut berulang kali. Perkara yang disebut berulang kali itu bukan sahaja yang berkaitan dengan `aqidah dan sifat-sifat Allah, malah ia juga meliputi hukum-hakam, nasihat, peringatan, fakta, peristiwa, kisah-kisah para nabi dan lain-lain. Tujuannya tidak lain, hanyalah untuk menarik perhatian manusia kepada kepentingannya, di samping menunjukkan juga kepada mereka nilai ma'lumat yang terdapat di dalamnya atau kehebatan dan kedahsyatannya. Pendek kata ia adalah suatu perkara penting yang sama sekali tidak boleh dipandang remeh dan diabaikan begitu saja oleh manusia.

Di bawah ini dikemukakan sebahagian daripada faedah yang terdapat di sebalik pengulangan sebut sesuatu perkara (lafaz) atau sesuatu ayat di dalam al-Qur'an:

(a) Untuk taqirir (للتقرير), iaitu memantapkan dan meneguhkan apa yang disebut, dalam fikiran dan ingatan manusia supaya ia sentiasa berwaspada terhadapnya dan mengambil pengajaran daripadanya. Untuk maksud inilah kebanyakan ayat ancaman diulang sebut. Allah s.w.t. sendiri telah berfirman tentangnya begini:

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا وَصَرَّفْنَا فِيهِ مِنَ الْوَعِيدِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ أَوْ يُحْدِثُ لَهُمْ ذِكْرًا ﴿١٣٧﴾

Maksudnya: Dan demikianlah Kami menurunkan Al-Quran sebagai bacaan dalam bahasa Arab, dan Kami telah menerangkan dengan berulang kali di dalamnya sebahagian dari ancaman, agar mereka bertaqwa atau (supaya) Al-Quran itu menimbulkan pengajaran buat mereka. (Thaha:113).

(b) Untuk menguatkan lagi apa yang telah disebut (للتأكيد). Antara contohnya ialah firman Allah berikut:

(i)

قَالَ أَذْهَبَ فَمَنْ تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَاءُكُمْ جَزَاءً مَوْفُورًا ﴿٦٣﴾

Maksudnya: Allah berfirman (kepada Iblis): "Pergilah (lakukanlah apa yang engkau rancangkan)! Kemudian sesiapa yang menurutimu di antara mereka, maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan kamu semua, sebagai balasan yang cukup." (al-Israa':63).

(ii)

يَوْمَ تَمُورُ السَّمَاءُ مَوْرًا ۝ وَتَسِيرُ الْجِبَالُ سَيْرًا ۝

Maksudnya: Pada hari langit (dan segala isinya) bergegar dengan sekuat-kuatnya. (9). Dan gunung-ganang bergerak dari tempatnya dengan cara yang luar biasa. (10). (at-Thur:9-10).

(c) Untuk menafikan tohmahan kemungkinan adanya sesuatu kepentingan peribadi. Dengan itu apa yang diutarakan mudahlah diterima. Antara contohnya ialah firman Allah berikut:

وَقَالَ الَّذِي ءَامَنَ يَقُومُ اتَّبِعُونِ اِهْدِكُمْ سَبِيلَ الرَّشَادِ ۝ يَقُومُ اِنَّمَا هَذِهِ الدُّنْيَا مَتْنَعٌ ۝ وَالْآخِرَةُ هِيَ دَارُ الْقَرَارِ ۝

Maksudnya: Dan berkatalah pula orang beriman itu: Wahai kaumku! Turutlah (nasihatku), aku akan menunjukkan kepada kamu jalan yang benar. (38). Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja) dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal. (39). (Ghafir:38-39).

(d) Untuk memperbaharui dan menyegarkan kembali cerita (لتجديد الكلام) setelah ia mungkin dilupai mukhathab (orang yang dihadap cakap). Antara contohnya ialah firman Allah berikut:

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا آتَوْا وَيُجِبُونَ اَنْ يُخْذُوا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبَنَّهُمْ بِمَفَازَةٍ مِنَ الْعَذَابِ وَلَهُمْ عَذَابٌ اَلِيمٌ

۝

Maksudnya: Jangan sekali-kali engkau menyangka (wahai Muhammad, bahawa) orang-orang yang bergembira dengan apa yang mereka telah lakukan dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan, jangn sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari seksa dan mereka pula akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya. (Aali `Imraan:188).

Untuk tujuan itulah kata لا تحسبن diulangi diulangi di dalam ayat ini.

(e) Untuk menyatakan kemuliaan dan kedudukan istimewa seseorang atau sesuatu golongan. Antara contohnya ialah firman Allah di bawah ini:

وَأَصْحَابُ الْيَمِينِ مَا أَصْحَابُ الْيَمِينِ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: Dan golongan kanan, alangkah bahagianya golongan kanan itu! (al-Waaqi'ah:27).

(f) Untuk menyatakan kehinaan, keterukan dan kedahsyatan keadaan seseorang atau sesuatu. Antara contohnya ialah firman Allah di bawah ini:

(i)

وَأَصْحَابُ الشِّمَالِ مَا أَصْحَابُ الشِّمَالِ ﴿٤١﴾

Maksudnya: Dan puak kiri, alangkah seksanya keadaan puak kiri itu! (al-Waaqi'ah:41).

(ii)

الْحَاقَّةُ ﴿٣٨﴾ مَا الْحَاقَّةُ ﴿٣٩﴾ وَمَا أُنْزِلَتْ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Hari kiamat (hari yang pasti terjadi). (1) Apakah hari kiamat itu? (2). Dan tahukah kamu apa hari kiamat itu? (3). (al-Haaqqah:1-3).

(g) Sebagai ancaman dan ugutan. Antara yang dapat dikemukakan sebagai contohnya ialah firman Allah berikut:

لَا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣٥﴾ ثُمَّ لَا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak! (3) Sekali lagi (diingatkan): Jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak! (4). (at-Takaatsur:3-4).

(h) Untuk menyatakan keta'ajuban dan kehairanan. Firman Allah di bawah ini adalah contohnya:

فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾ ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: Celakalah dia! Bagaimana dia mereka-reka (tuduhan)? (19). Kemudian celakalah dia! Bagaimanakah dia mereka-reka (tuduhan)? (20). (al-Muddatsir:19-20).

(i) Krn adanya perkaitan yang berlainan. Antaranya contohnya ialah firman Allah ini:

فَبَأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Maka yang mana satu di antara ni`mat-ni`mat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (ar-Rahman:18).

Ayat ini diulang lebih 30 kali di dalam Surah ar-Rahman. Tetapi ia disebut sebagai pertanyaan bagi perkara-perkara yang berbeza-beza dan berlainan.